



TEKS UCAPAN

**YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA
SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN LALUAN FT51, DARI KAMPUNG
SAWAH LIAT KE KAMPUNG GEDANG, DAERAH
KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN**

PADA 18 APRIL 2019 (KHAMIS)

Terima kasih Puan Pengacara Majlis.

SALUTASI

Salam Sejahtera.

1. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana dapat berkumpul bersama-sama pada hari yang berbahagia ini dalam Majlis Perasmian Laluan FT51, dari Kampung Sawah Liat Ke Kampung Gedang, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama dan sokongan padu semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.
2. Bagi pihak Kementerian Kerja Raya, saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas kehadiran Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan dalam majlis ini. Saya yakin dan percaya kehadiran semua pihak ke majlis ini melambangkan iltizam kita dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan Negara khususnya kepada penduduk di Negeri Sembilan.

Hadirin yang dihormati,

3. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1 billion untuk membiayai 5 projek membina dan menaiktaraf Jalan Persekutuan di Negeri Sembilan. Projek-projek tersebut adalah:
 - (i) Menaik taraf Laluan FT51 dari Kampung Sawah Liat ke Kampung Gedang, Daerah Kuala Pilah yang telah siap pada 17 Disember 2018;
 - (ii) Membina Jalan Lingkaran Tengah Seremban (Fasa 3B) yang telah siap pada 4 November 2017;
 - (iii) Menaik taraf Jalan Utama Bandar Sri Sendayan dan Enstek yang masih dalam pembinaan (Kemajuan Kerja 99 peratus);

- (iv) Malaysia Vision Valley (MVV): Membina Jalan Baru dari Nilai - Labu Ke Bandar Enstek yang masih dalam pembinaan (Kemajuan Kerja 34 peratus); dan

Akhir sekali,

- (v) Membina Jalan Penghubung ke Kawasan Pembangunan Baru, bermula 3 kilometer selepas *Interchange* Temiang ke FT86 Jalan Pantai yang masih dalam pembinaan (Kemajuan Kerja 48 peratus).
4. Projek menaiktaraf Laluan FT51, dari Kampung Sawah Liat ke Kampung Gedang, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan ini, merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan infrastruktur sokongan bermutu tinggi dan jajaran jalan ini menjadi laluan penting menyambungkan di antara Negeri Sembilan Barat dan Negeri Sembilan Timur yang meliputi Daerah Kuala Pilah, Daerah Jempol dan Daerah Tampin. Projek menaiktaraf ini merupakan kesinambungan kepada projek Jalan Seremban-Kuala Pilah Fasa 1 (tahun 2009), Fasa 1A (tahun 2010) dan Fasa 2 (tahun 2013).
 5. Kos yang telah diluluskan bagi projek Sawah Liat ini adalah sebanyak RM25 juta. Kos ini merupakan kos keseluruhan termasuklah pengambilan tanah, pengalihan utiliti, manakala kos kontrak projek ini adalah sebanyak RM16.8 juta. Sebagaimana semua sedia maklum, tujuan utama naik taraf ini adalah untuk mengurangkan kadar kemalangan yang tinggi (*blackspot*) di kawasan tersebut. Kemalangan ini adalah disebabkan oleh keadaan jalan yang sempit dan berselekoh.
 6. Saya turut dimaklumkan bahawa Laluan FT51 ini secara purata dilalui sebanyak 25,000 kenderaan dalam tempoh sehari pada hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) dan hampir 29,000 pada hujung minggu. Justeru, projek naik taraf ini adalah usaha yang sangat baik oleh pihak Jabatan Kerja Raya bagi melancarkan perjalanan pengguna jalan melalui pembaikan geometri jalan untuk memenuhi standard Jalan R5.

Hadirin sekalian,

7. Projek menaiktaraf Laluan FT51, dari Kampung Sawah Liat Ke Kampung Gedang, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan direkabentuk mengikut standard piawaian jalan R5 2 lorong 2 hala. Skop kerja yang dilaksanakan bagi laluan ini adalah menaiktaraf jalan sepanjang 1.5 kilometer termasuk kerja – kerja pengalihan sungai, pengambilan tanah (PBT) dan pengalihan utiliti.
8. Saya juga amat berbangga kerana dimaklumkan penyerahan projek ini merangkumi 3 dalam 1 iaitu *Certificate of Practical Completion (CPC)*, *As Built Drawing* serta *Statement of Final Account (SOFA)* dan perlu dicontohi oleh projek-projek lain yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Syabas diucapkan.

Hadirin yang dihormati,

9. Saya amat yakin dan percaya bahawa projek menaiktaraf jalan ini akan memberi keselesaan kepada pengguna dari luar dan dalam Negeri Sembilan kerana ia menghubungkan tempat - tempat bersejarah di Negeri Sembilan dan kawasan rekreasi seperti Taman Eko Rimba Ulu Bendul, Muzium Istana Lama Seri Menanti, Taman Eko Rimba Bukit Maloi, Bukit Baginda dan lain-lain lagi. Secara tidak langsung ini dapat membantu meningkatkan perkembangan sosio ekonomi di kawasan sekitar khususnya kepada sektor industri kecil sederhana dan pelancongan.
10. Sekali lagi syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak JKR, Perunding, Kontraktor dan semua pihak terlibat kerana telah melaksanakan projek ini dengan jayanya. Akhir kata, dengan penuh rasa hormat dan takzim, saya dengan sukacitanya merasmikan Laluan FT51, dari Kampung Sawah Liat ke Kampung Gedang, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

Sekian, terima kasih.